

Suami berkorban isteri sambung belajar

TABIK bukan sahaja layak diberikan kepada isteri yang memikul pelbagai status, malah suami mereka juga.

Suami yang mempunyai pasangan yang menyambung



MOHD. HARIZ

pelajaran adalah mereka yang tidak mementingkan diri sendiri dan sanggup berkorban.

Majoriti suami terbabit terpaksa mengorbankan hujung minggu dengan menjaga anak-anak.

Ada juga yang terpaksa berjauhan untuk beberapa ketika apabila si isteri sedang belajar, malah lebih menyentuh perasaan ada yang sanggup bercuti tanpa gaji sementara isteri habis belajar.

Mohd. Hariz Raymond, 31, suami kepada Nor Akmar Abdul Aziz, pensyarah yang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D di University of Copenhagen, Denmark sanggup mengambil cuti tanpa gaji pada tahun 2008.

Mohd. Hariz yang sebelum ini merupakan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus

Bintulu sanggup kehilangan senioriti setelah mengambil keputusan mengikut isterinya ke Denmark untuk menemani dan menjaga anak sulung mereka yang sewaktu itu berusia enam bulan.

“Mula-mula saya memang janggal dengan perubahan hidup baru ini tanpa kerja dan pendapatan sendiri. Rutin saya hanya menjaga anak.

“Setelah anak sulung saya diterima di pusat penjagaan kanak-kanak, saya cuba cari kerja di sana tetapi susah kerana tidak boleh berbahasa Denmark walaupun hanya untuk bekerja sebagai pencuci.

“Setelah beberapa percubaan mendapatkan pekerjaan gagal, saya pasrah dan lama kelamaan selesa dengan melakukan

kerja-kerja seperti menghantar dan mengambil anak, mengemas, membasuh, memasak dan kerja-kerja lain yang sepatutnya dilakukan oleh seorang ibu dan isteri setelah dua tahun lebih berada di sana.

“Keseronokan saya ialah apabila dapat merasai sendiri tugas seorang ibu dan gembira dapat melihat anak-anak (Muhammad Hadif Syahmi, 3, dan Muhammad Haziq Luqman, 1 tahun 9 bulan) membesar di hadapan mata dan banyak menghabiskan masa bersama mereka,” tambah pemuda kelahiran Bintulu, Sarawak itu.

Mohd. Hariz kini bersyukur kerana isterinya telah berjaya menamatkan pelajaran dengan cemerlang dan kini bergelar Doktor.